

**Untuk Siaran Segera  
2 Disember 2024**

## **PNB SALUR RM4 JUTA UNTUK SUMBANGAN BANJIR BAGI MEMBANTU GOLONGAN TERJEJAS**

**Kuala Lumpur, 2 Disember 2024:** – Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan komitmennya untuk menyokong inisiatif bantuan banjir berjumlah RM4 juta menerusi kerjasama dengan beberapa agensi untuk melaksanakan usaha bantuan.

Pendekatan proaktif PNB mencerminkan komitmennya sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, menunjukkan dedikasi untuk menyokong komuniti terjejas yang memerlukan, terutamanya semasa krisis.

Sumbangan PNB akan digunakan untuk memberi bantuan segera dan memudahkan proses pemulihan jangka panjang bagi komuniti yang terjejas akibat banjir di kawasan-kawasan banjir sekitar Kelantan (Kota Bharu, Pasir Mas, Gua Musang, Bachok, Tumpat), Terengganu (Besut, Dungun, Hulu Terengganu), Kedah (Kubang Pasu, Kota Setar), Negeri Sembilan (Tampin) dan Selangor.

Sumbangan disalurkan menerusi agensi-agensi pengurusan bencana seperti Yayasan Ikhlas, Mercy Malaysia, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dan Malaysia Relief Agency (MRA).

Sumbangan yang diberi ditumpukan kepada agihan makanan seperti makanan sedia dimakan dan barang keperluan asas seperti khemah komuniti, selimut, tikar dan kit kebersihan diri. Peruntukan juga akan diberi kepada inisiatif pemulihan seperti bekalan barangan keperluan kembali ke sekolah dan barangan keperluan asas keluarga, membaiki rumah dan memulihkan perkhidmatan penjagaan kesihatan serta meningkatkan inisiatif Air, Sanitasi dan Kebersihan (WASH) selepas bencana.

Sementara itu, RM900,000 daripada jumlah peruntukan tersebut telah disalurkan sebelum ini dan digunakan untuk pembelian bot penyelamat serta barangan lain seperti pakaian sekolah, kasut dan beg untuk pelajar yang terjejas, beg kecemasan bencana dan program peningkatan komuniti.

Selain menjangkakan cabaran-cabaran yang bakal timbul akibat banjir akhir tahun ini, PNB akan terus membuat pendekatan proaktif dan bekerjasama rapat dengan agensi-agensi kami bagi memastikan bantuan berimpak untuk rakyat Malaysia yang terjejas dengan banjir.

-Tamat-

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**